



prihatin


sentiasa bersama mu

BERITA SPANCO



08

MYSIKAP TRANSFORMASI KE ARAH MASA DEPAN CEMERLANG



PP 10548/08/2012(030458)

06

**KETAHUI PUNCA
PENYAMAN UDARA
KERETA TIDAK SEJUK**

16

**GAJET CANGGIH
MUDAHKAN
KEHIDUPAN ANDA**

20

**FENOMENA MEDIA
SOSIAL MEMBERI
IMPAK KEPADA
KESIHATAN**





12



04



18



20



06

prihatin

sentiasa berwarna mu

jilid 4 | Okt - Dis 2014
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 Kecemerlangan Penuh Bergaya Menutup Tirai 2014

KATA MEREKA

04 YBhg Dato' Jalil Marzuki Bertekad Terus Julang Mutu Perkhidmatan Awam

SERVIS ITU PENTING!

06 Ketahui Punca Penyaman Udara Kereta Tidak Sejuk

YANG PERLU ANDA TAHU

08 mySIKAP Transformasi ke Arah Masa Depan Cemerlang

10 AES Mengubah Sikap Pengguna Jalan Raya

PERSADA INOVASI

12 Paris Motor Show

2014: Membawakan Garapan Teknologi Dan Konsep Terkini

MERAKAM CATATAN

14 Proton Waja Buat The Divine Life Society

14 Tahniah kepada Penerima Sijil Program Kecekapan dan Analisis Jurang Teknikal!

15 Penyerahan Kereta Rasmi Jawatan Kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

15 Seminar Tahunan Pegawai Pengangkutan PDRM 2014 di Tasik Kenyir

15 Kursus Transformasi Pemandu Berhemah Tinggi Bil 01/2014

15 Lawatan Sambil Belajar Pegawai Pengangkutan PDRM

INFORMASI SANTAI

16 Gajet Canggih Mudahkan Kehidupan Anda

LIBUR DESTINASI

18 Percutian Penuh Temasya: 5 Destinasi Popular Dunia

BICARA SIHAT

20 Fenomena Media Sosial Memberi Impak Kepada Kesihatan

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Johor dan Perak

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



KECEMERLANGAN PENUH BERGAYA MENUTUP TIRAI 2014

KITA bakal menuju ke penghujung 2014, melabuhkan tirai dengan hasil kerja mantap dari semua pihak. Pekerja yang dedikasi serta kepercayaan dan sokongan padu pelanggan menjadikan kita semakin utuh dari masa ke semasa.

2014, satu lagi tahun penuh cabaran buat SPANCO. Pembekalan 2,555 unit kenderaan fleet selama 11 bulan lalu menyusun perjalanan yang sangat produktif dan dilaksanakan dengan begitu efektif. Sebanyak 480 unit Proton Perdana 2.4 Premium dan 426 unit 2.0 Executive telah dihantar kepada pegawai-pegawai Kerajaan menggantikan Proton Perdana V6 Executive dan V6 Standard. Manakala Proton Prevé 1.6 pula menggantikan Proton Waja CPS dengan sejumlah 1,334 unit telah dibekalkan sehingga

November 2014.

Dalam pada itu, pelbagai cabaran terus kita tangani. Tidak menjalani servis berjadual dan kemalangan di kalangan pengguna fleet merupakan cabaran utama tahun ini di mana seorang dilaporkan telah terkorban.

Menganjak kepada cabaran seterusnya, kita terus mengatur langkah menyusun strategi yang mampat memperkasa 2015 dengan fokus utama untuk terus meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan. Kerjasama lebih dekat dengan pengguna dirancang antaranya menghantar Khidmat Pesanan Ringkas sebagai peringatan bagi penyenggaraan dan servis kenderaan. Ianya bertujuan mengekalkan 98% kenderaan di atas jalan raya dengan prestasi maksimum.

Ini memandangkan kenderaan-kenderaan baru memerlukan pemantauan yang rapi terhadap jadual penyenggaraan seperti Proton Perdana pada setiap 5,000km jarak servis.

Saya ingin menegaskan kepada semua pengguna kenderaan fleet agar bertanggungjawab terhadap kenderaan masing-masing demi mengurangkan kadar kerosakan dan kemalangan.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada pelanggan-pelanggan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua. Memandulah dengan selamat, prihatinlah terhadap pengguna jalan raya yang lain dan ingatlah orang yang tersayang.

PETER LIM

Pengarah Eksekutif

YBHG DATO' JALIL MARZUKI

BERTEKAD TERUS JULANG MUTU PERKHIDMATAN AWAM

ORANGNYA cukup ramah, bicaranya kemas mengutarakan setiap patah perkataan begitu teratur terkesan dari sarat pengalaman tugas selama hampir 32 tahun di perkhidmatan awam. Nyata YBhg Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia bukan calang-calang dalam bidang pengurusan sumber manusia di perkhidmatan awam.

Bermula sebagai Penolong Setiausaha Cawangan Skim di Bahagian Penjawatan pada tahun 1982, Dato' Jalil mengutip pengalaman tahun demi tahun di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selama enam tahun. Beliau kemudian ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selama sembilan tahun dan kembali ke JPA pada tahun 1998 sebagai Ketua Penolong Pengarah sehinggalah 2007 di mana beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kanan di Bahagian Perkhidmatan JPA.

"Saya mula berkhidmat dengan pentadbiran awam sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat ijazah di Universiti Malaya sebab

saya pemegang biasiswa JPA. Tanpa pengalaman saya dah mula bekerja. Jadi pengalaman saya timba seratus peratus dari pentadbiran awam walaupun pernah mendapat tawaran bekerja dari syarikat swasta.

"Bermula di JPA saya melangkah ke SPA, kemudian kembali ke JPA dan pada tahun 2012 saya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pertahanan (MINDEF) selama dua tahun sembilan bulan sehinggalah November 2014, saya ditugaskan di Kementerian Kesihatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan," jelas anak kelahiran Johor ini.

Dibesarkan di Felda Chemplak, Labis, Dato' Jalil nyata cukup seronok bila berbicara mengenai kereta rasmi kerajaan yang mula digunakan apabila memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Kanan di Bahagian

Perkhidmatan, JPA pada tahun 2007.

"Sudah tujuh tahun menggunakan kereta SPANCO bermula Proton Perdana, Inspira dan kini Proton Perdana yang baharu, saya tidak pernah menghadapi sebarang masalah. Saya tak perlu risau tentang servis, cukai jalan, insurans... semuanya diuruskan oleh SPANCO. Sebulan sebelum cukai jalan mati, cukai jalan baharu dah sampai. Servisnya sangat cepat, SPANCO dah pantau semuanya.

"Kita pun tak perlu bimbang akan kemungkinan menanggung kos berlebihan sebab segalanya telah diaturkan. Ini banyak membantu pegawai dalam menjalankan tugas. Kalau ada masalah, kereta ganti akan cepat diberi. Semuanya senang, tak perlu risau apa-apa. Kereta sentiasa dalam keadaan elok, jadi pegawai boleh tumpukan sepenuh masa pada tugas. Hari minggu, saya akan memandu sendiri dan masa ni saya dapat rasakan keseronokan memandu kereta yang berkeadaan baik," terangnya lagi.

Selama tujuh tahun menggunakan kenderaan rasmi dari SPANCO, beliau tidak pernah menghadapi masalah, hanya tiga kali berhadapan dengan masalah bateri kehabisan cas, kemalangan kecil dan tayar pancit.

"Masa bateri habis saya berada di rumah, saya telefon SPANCO dan tak sampai



◀ YBhg Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Proton Perdana 2.4 Premium yang baharu diterima.

beberapa jam, mereka datang hantar bateri baru. Kemalangan pula masa bulan puasa, mungkin saya mengantuk dan kemalangan sikit saja pada bahagian bampar. Saya buat laporan dan SPANCO sediakan kereta ganti. Tiada masalah. Manakala tayar pancit semasa saya ingin ke lapangan terbang atas urusan kerja. Terus hubungi SPANCO tapi kebetulan ada kereta penunda yang lalu pada waktu itu dan tukarkan tayar. Saya teruskan perjalanan dan maklumkan SPANCO ia sudah dibaiki tapi mereka tetap datang untuk pastikan benar-benar tiada masalah. Sangat prihatin dan bertanggungjawab. Saya betul-betul puas hati dengan khidmat yang diberi,"ujarnya lagi.

Baginya, pemilikan sendiri dan pengurusan fleet kenderaan ternyata banyak perbezaan. Pengurusan fleet sememangnya banyak memberi keuntungan dan kebaikan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Tumpuan terhadap tugas menjadi lebih fokus apabila kereta diuruskan sepenuhnya oleh pengurusan SPANCO. Pegawai tidak perlu risau tentang kekangan bajet servis dan penyenggaraan mahupun kerosakan.

"Sepanjang menggunakan kereta rasmi, saya tidak perlu fikir mengenai



penjawatan dan hal ehwal pekerja. Pengalaman yang luas mengendalikan bahagian ini membuka banyak idea dalam mengendalikan setiap permasalahan yang ada.

"Semasa di JPA, saya turut menjalankan tugas menimbangkan perjawatan bagi rancangan penempatan semula orang asli. Saya melihat pada kemudahan yang diperlukan seperti sekolah, klinik dan sebagainya. Ini memberi seribu satu pengalaman baru yang berbeza.

Baginya berbanding dahulu, perkhidmatan awam kini sudah semakin baik. Skim gaji serta faedah-faedah pekerja lebih banyak berbanding swasta. Tingkat kelulusan pemohon turut diambil kira dan terbukti apabila kebanyakan pemohon berkelulusan tinggi yang ingin memasuki perkhidmatan awam turut memperlihatkan kredibiliti tinggi perkhidmatan awam.

Apabila ditanya tentang mentor, Dato' Jalil hanya tersenyum. "Jika masa dulu-dulu di kampung tak ada mentor sebab saya anak kampung dan antara orang yang terawal masuk universiti. Tapi ibu dan bapa adalah pendorong utama kejayaan kami adik beradik. Mereka memang mengutamakan pendidikan anak-anak. Kami hidup susah, waktu cuti sekolah saya akan menoreh getah. Bapa selalu berpesan, apa-apa pun pelajaran kena diutamakan. Biar makan nasi dengan garam pun tak apa asalkan anak-anak boleh terus belajar. Sekarang, alhamdulillah semua anak-anaknya berjaya cuma sayang mereka tak sempat merasa kesenangan kejayaan anak-anak," ceritanya yang berkelulusan Sarjana dari Universiti Sains Malaysia.

Sememangnya beliau sentiasa mempunyai perancangan masa hadapan yang terperinci terutamanya berkaitan dengan kesihatan, penambahbaikan kemajuan kerjaya, latihan-latihan untuk kepakaran dan yang berkaitan dengan masyarakat perlu diberi perhatian. Tumpuan kepada masalah dan kebajikan pakar-pakar kesihatan amat perlu bagi meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara.

KITA PUN TAK PERLU BIMBANG AKAN KEMUNGKINAN MENANGGUNG KOS BERLEBIHAN SEBAB SEGALANYA TELAH DIATURKAN. INI BANYAK MEMBANTU PEGAWAI DALAM MENJALANKAN TUGAS. KALAU ADA MASALAH, KERETA GANTI AKAN CEPAT DIBERI. SEMUANYA SENANG, TAK PERLU RISAU APA-APA. KERETA SENTIASA DALAM KEADAAN ELOK JADI PEGAWAI BOLEH TUMPUKAN SEPENUH MASA PADA TUGAS.

servis kerana kereta saya dijaga dengan begitu rapi sekali. Tidak perlu pening kepala apabila segalanya diuruskan dan belum pernah lagi kereta saya rosak sebab jadual servis sentiasa dipatuhi. Saya berharap, pengurusan ini akan diteruskan demi menjamin mutu kerja pegawai-pegawai kerajaan," jelasnya.

Berbalik kepada bidang tugas, anak ketiga dari tujuh adik beradik ini sentiasa teruja apabila berbicara mengenai setiap tugas yang disandangnya. Banyak pengalaman yang dilalui semasa memegang pelbagai jawatan yang berbeza di tiga Kementerian.

"Asasnya saya dari pengurusan sumber manusia. Bidang ini memerlukan saya fokus terhadap pelbagai perkara yang melibatkan skim perkhidmatan,

Di MINDEF pula saya terlibat dengan tentera yang rata-rata lebih tegas dan 'keras' tugasnya.

"Setakat ni hampir semua penjara saya dah masuk kerana waktu itu tugas saya memerlukan saya mengkaji keseluruhan penjara untuk mendapatkan bilangan penjawatan. Saya kena kira satu-satu, kira setiap pintu kerana setiap pintu ada pegawai yang mengawal, kira sel dan ruang-ruang penjara. Jadi, hampir semua penjara di Malaysia saya dah masuk," katanya sambil berseloroh.

"Kementerian Kesihatan pula lebih tertumpu pada kerjaya kedokteran, sains dan kesihatan. Jelas, ketiga-tiga bidang ini walaupun nampak berbeza namun setiap satu memerlukan penelitian khusus dalam pelaksanaan," tegasnya lagi.



KETAHUI PUNCA PENYAMAN UDARA KERETA TIDAK SEJUK

SISTEM PENYAMAN UDARA KERETA ATAU AIRCOND BERFUNGSI UNTUK MENYEJUKKAN SUHU DALAMAN KERETA, BEROPERASI MENGGUNAKAN GAS BENDALIR PENYEJUK JENIS R134/R134A (DILULUSKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR) YANG DIMAMPATKAN OLEH KOMPRESOR.

Periksa penyaman udara segera dan lakukan penyelenggaraan sekiranya terdapat tanda-tanda berikut:

- Enjin kereta terasa berat apabila suis penyaman udara dihidupkan.
- Suhu tidak stabil (ada masa sejuk dan ada masa panas).
- Terasa angin panas keluar dari corong penyaman udara.
- Kipas radiator tidak berfungsi atau berpusing perlahan-lahan apabila penyaman udara dihidupkan.

PUNCA PENYAMAN UDARA TIDAK SEJUK

■ Kehabisan gas akibat paip bocor

Berkemungkinan disebabkan penyaman-bung tidak ketat atau paip bocor akibat karat. Sistem saliran mungkin juga tersumbat akibat pembentukan ais yang menyebabkan tekanan terlalu tinggi atau kondenser bocor akibat terkena serpihan batu.

■ Gegelung penyejuk kotor, tersumbat atau rosak

Habuk yang melekat pada gegelung

penyejuk akan menjadikan ia kotor dan tidak efisien. Jika gas yang masuk ke dalamnya berlebihan atau beku akan mengakibatkan penyaman udara jadi tidak sejuk dalam perjalanan jauh, air menitik atau wap putih keluar.



■ Kipas kondenser tidak berfungsi

Jika tiada bantuan angin untuk menyejukkan gas, sistem tidak dapat berfungsi dengan baik. Penyaman udara mungkin terasa panas apabila kereta berhenti dan sejuk semula apabila kereta bergerak.

■ Kompresor rosak

Lazimnya kerana bebola gegas (*bearing*) atau bilah kompresor tersangkut yang disebabkan oleh kehabisan cecair pelincir akibat bocor. Penyaman udara mungkin masih boleh berfungsi tetapi kedengaran bunyi kasar semasa suis dihidupkan.

■ Alat kawalan suhu atau suis penyaman udara pada 'dashboard' telah rosak

Jika rosak, bermakna tiada input untuk sistem bekerja.

■ Alat penapis kotor atau tersumbat

Ini akan mengganggu aliran gas dan keberkesanan sistem penyaman udara.

■ Injap pengembang rosak atau tersumbat

Jika terdapat bendasing di dalam sistem paip, injap akan tersumbat, menyebabkan bendalir penyejuk tidak disemburkan menjadi gas dengan sempurna yang akan mengganggu pemindahan haba. Ia juga antara punca kompresor 'on' dan 'off' berulang kali.

■ Angin penyaman udara berbau busuk

Penyaman udara yang tidak diservis terlalu lama akan menyebabkan semua habuk menjadi basah dan berkulat pada penapis penyaman udara lalu mengeluarkan bau busuk.



TIP PENJAGAAN PENYAMAN UDARA

Sekali sekala, hidupkan penyaman udara dan angin pada kelajuan paling tinggi. Ini dapat membersihkan sebarang lembapan dan mengelakkan dari pembinaan kulat di dalam sistem.

Pastikan semua tingkap ditutup semasa menggunakan penyaman udara bagi mendapatkan kesan peredaran sepenuhnya di dalam kabin dan mengurangkan penggunaan petrol.

Sebanyak 10 peratus dari gas penyaman udara menyerap keluar dari sistem setiap tahun, bermaksud keberkesanan sistem berkurangan secara beransur-ansur. Oleh itu, tambah gas dan cecair sekurang-kurangnya setiap dua tahun.

Sentiasa periksa jika terdapat kebocoran, lelehan air atau kotoran pada penyaman udara.

Servis penyaman udara setiap dua atau tiga kali setahun bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik.

KENALI KOMPONEN UTAMA SISTEM PENYAMAN UDARA

GAS BENDALIR PENYEJUK

(*refrigerant*) adalah cecair yang membawa haba atau udara panas di dalam sistem, lazimnya merupakan bahan yang dipanggil R134A.




KOMPRESOR bertindak sebagai pemampat gas bendalir penyejuk dan mengedarkannya di dalam kitaran sistem. Amat penting untuk memastikan pelinciran dalam kompresor berada dalam keadaan baik.

PENAPIS (*drier*)

bertindak seperti pencuci dengan menyerap dan mengasingkan air dari gas bendalir penyejuk.



INJAP PENGEMBANG berperanan mengurangkan tekanan sekali gus mengawal aliran bendalir penyejuk yang masuk ke dalam gegelung penyejuk (*cooling coil*).



GEGELUNG PENYEJUK

memindahkan haba dari udara yang dihembuskan ke arahnya. Udara sejuk yang keluar akan menyejukkan kabin kereta anda.

MYSIKAP

TRANSFORMASI KE ARAH MASA DEPAN CEMERLANG



MENAIKTARAFKAN sistem sokongan utama jabatan iaitu SIKAP yang telah 20 tahun beroperasi, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memperkenalkan mySIKAP, satu transaksi dalam talian yang lebih stabil, mapan dan selamat. Ia mengambil kira peningkatan sejumlah 24 juta kenderaan berdaftar dan 14 juta pemandu di Malaysia, sementara JPJ terpaksa menguruskan 1.4 juta pertukaran hak milik kenderaan setiap tahun.

MySIKAP merangkumi empat (4) aplikasi perkhidmatan teras dan 18 aplikasi sokongan yang dihasilkan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang bertaraf dunia kepada pelanggan. Ia bukan sahaja akan memudahkan dan mempercepatkan proses serta penyampaian malah turut menekankan produktiviti JPJ dalam memberikan khidmat yang lebih efisien lagi cemerlang.

Sistem pengkomputeran JPJ ini bertujuan menggalakkan orang ramai berurusan secara dalam talian. Direka sebagai satu hentian yang mengendalikan 1,000 jenis transaksi berlainan berkaitan pembaharuan cukai jalan dan lesen memandu, bayaran saman juga penukaran hak milik kenderaan.

Antaranya, penjual dan pembeli kenderaan kini tidak perlu lagi hadir ke JPJ untuk membuat proses pertukaran



**SATU HENTIAN
YANG
MENGENDALIKAN
1,000 JENIS
TRANSAKSI
BERLAINAN
BERKAITAN
PEMBAHARUAN
CUKAI JALAN DAN
LESEN MEMANDU,
BAYARAN SAMAN
JUGA PENUKARAN
HAK MILIK
KENDERAAN.**

hak milik, sebaliknya boleh melakukannya melalui Internet dengan hanya perlu mengisi ID peribadi di laman sesawang JPJ. Lebih menarik, mereka yang berdaftar sebagai pemegang ID mySIKAP, boleh membida nombor plat baru melalui laman sesawang ini.

mySIKAP dijalankan secara percubaan di JPJ Melaka dan Perlis dari 21 hingga 28 Oktober 2013 sebelum dilaksanakan pada 1 November 2013. Ia mula beroperasi sepenuhnya di seluruh negara bermula 1 April 2014.

Dengan sasaran mempertingkatkan perkhidmatan secara dalam talian sehingga 85 peratus menjelang 2015, JPJ menaruh harapan yang tinggi terhadap kejayaan sistem ini. Walaupun terdapat gangguan terutama semasa peralihan sistem, JPJ mensasarkan tempoh dua tahun untuk sistem pulih sepenuhnya dan mencapai tahap seratus peratus.

TRANSAKSI DALAM TALIAN mySIKAP

Permohonan memperbaharui dan membatalkan lesen kenderaan motor (LKM).



Permohonan dan pendaftaran status kenderaan vintaj atau klasik.



Penukaran hak milik kenderaan kepada pihak lain.

Permohonan menggunakan semula nombor pendaftaran kenderaan yang hilang atau dicuri serta yang diisytiharkan lupus sepenuhnya.

BAKAL DIPERKENALKAN

Permohonan dan pengemaskinian pek maklumat kenderaan.

Permohonan dan pembatalan pengisytiharan kenderaan yang tidak lagi beroperasi.

Permohonan permit perjalanan sementara dan plat perdagangan syarikat.

Pembaharuan dan pembatalan plat perdagangan.

Pembelian terus nombor pendaftaran.

Permohonan pertukaran nombor pendaftaran kereta.

Permohonan penukaran atau pembaikan struktur panel kenderaan akibat kemalangan.

Rayuan kerana gagal pemeriksaan PUSPAKOM.

Permohonan pengubahsuaian kenderaan.



AES MENGUBAH SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA

SISTEM Penguatkuasaan Automatik (AES) adalah satu usaha kerajaan untuk memperbaiki dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia yang dianggap terlalu tinggi. Langkah memasang AES di kawasan-kawasan yang diisytihar kerap berlaku kemalangan ini bukan hanya mampu membantu pihak berkuasa mengurangkan kadar kes kemalangan tetapi paling penting, dapat menyelamatkan ribuan nyawa terutama apabila menjelang musim perayaan.

APAKAH AES?

AES merupakan penguatkuasaan secara automatik iaitu kesinambungan daripada Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 dalam mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan. Hasil usaha JPJ, PDRM, MIROS dan JKR memberi tumpuan kepada 4E (Engineering, Enforcement, Education dan Environment). Ia satu sistem kamera/video pengesan had laju untuk merakam secara automatik kesalahan lalu lintas bertujuan untuk mengubah sikap pemanduan rakyat Malaysia.

MENGAPA PERLU AES?

AES merupakan adaptasi sistem penguatkuasaan yang mampan untuk mengubah sikap pemanduan tanpa mengira kadar pertambahan kenderaan, pemandu atau kekangan penguatkuasaan. Ia mampu mengubah sikap, tingkah laku dan budaya pemanduan melalui penguatkuasaan 24 jam, tidak bermusim dan tiada campur tangan manusia. Ia juga mampu mengurangkan kos rawatan dan pemulihan kawasan yang sering berlaku kemalangan yang berjumlah lebih 800 'blackspot' di seluruh negara.

BILANGAN KAMERA YANG DIPASANG

Pada masa ini pemasangan
kamera AES hanya
melibatkan 14 lokasi iaitu

7

PERAK

3

KUALA
LUMPUR

2

SELANGOR

2

PUTRAJAYA

Pemasangan kamera AES bagi fasa seterusnya telah ditangguhkan selaras dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

FAKTA AES YANG PERLU ANDA TAHU

1 AES merupakan sebuah sistem terbukti, yang kini digunakan di banyak negara termasuk Perancis, Jerman dan Australia.




2 Sistem ini bukanlah kamera yang tersembunyi! Amaran yang mencukupi dalam bentuk papan tanda diletakkan sebelum pengguna jalan raya memasuki zon AES.

3 AES membantu inisiatif penguatkuasaan lalu lintas dengan memastikan kaedah mengesan kesalahan yang tepat dan tidak mungkin disalahgunakan selain pengeluaran saman yang cekap dan boleh dipercayai ke alamat-alamat yang dikemas kini.

4 Sistem ini tidak mendiskriminasikan dalam apa jua cara kerana tiada interaksi peribadi antara pesalah trafik dan sistem. AES akan turut mengesan kesalahan yang dilakukan oleh pengguna semua jenis kenderaan, sama ada persendirian, perdagangan mahupun awam.



5 Kamera-kamera AES ditentukan, disahkan dan diperakui oleh badan-badan yang kompeten dan diberi tanggungjawab (SIRIM Berhad dan MIROS) di makmal serta di lokasi bagi memastikan tahap ketepatan dan kebolehpercayaan yang tinggi.



6 AES meningkatkan persepsi untuk ditangkap (POBS). Biasanya persepsi pengguna jalan raya untuk ditangkap di Malaysia adalah 25% pada hari-hari biasa dan meningkat kepada 50% semasa musim perayaan apabila kempen keselamatan jalan raya sedang dilaksanakan. Di negara-negara maju di mana pengguna jalan raya adalah lebih berpengetahuan, tahap persepsi adalah antara 80-90%.

7 Sistem ini boleh mengesan beberapa kenderaan secara serentak yang melakukan kesalahan pada bila-bila masa.

8 Buat masa ini, sistem ini digunakan untuk mengesan mereka yang melebihi had laju dan melanggar lampu merah. Ini merupakan kesalahan trafik yang kerap di Malaysia dan merupakan antara punca utama kemalangan jalan raya.

LOKASI-LOKASI AES BAGI FASA SATU

Bil.	Lokasi	No. Laluan	Mahkamah	Had Laju	Koordinat
1	KM375.9 PLUS Expressway – Slim River (Utara)	E0001	Slim River	110 km/j	3.841833, 101.409972
2	KM 7, Jalan Maharajalela, Teluk Intan	F0058	Teluk Intan	90 km/j	3.974470, 100.988000
3	KM91, Jalan Ipoh - Butterworth	F0001	Taiping	60 km/j	4.781450, 100.735000
4	KM26, Jalan Ipoh – Kuala Kangsar	F0001	Sungai Siput	Lampu Isyarat	4.816800, 101.078000
5	KM85.5, Jalan Ipoh – Kuala Lumpur	F0001	Tapah	90 km/j	3.962222, 101.328806
6	KM204.6, PLUS Expressway –Taiping (Utara)	E0001	Taiping	110 km/j	4.905135, 100.668056
7	Jalan Pasir Putih, Ipoh	A0184	Ipoh	Lampu Isyarat	4.581670, 101.082000
8	Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur	Z0089	Jalan Duta	Lampu Isyarat	3.085617, 101.673319
9	Jalan Ipoh, Kuala Lumpur	Z0060	Jalan Duta	Lampu Isyarat	3.177263, 101.686826
10	KM6.6, Jalan Kajang / Puchong (SKVE)	B0011	Sepang	80 km/j	2.973360, 101.677880
11	KM301.6, PLUS Expressway-Kajang (Utara)	E0001	Kajang	90 km/j	2.975650, 101.742580
12	Jalan Lebu Sentosa, Putrajaya	Z0022	Putrajaya	70 km/j	2.945491, 101.683817
13	Jalan Persiaran Timur, Putrajaya	Z0002	Putrajaya	80 km/j	2.943130, 101.713940
14	KM D7.7 Sungai Besi, Kuala Lumpur	E0002	Jalan Duta	80 km/j	3.050850, 101.705060

Yang pastinya, sistem ini adalah untuk kebaikan dan demi keselamatan anda. Tujuan utama AES adalah untuk membantu menjadikan jalan raya kita lebih selamat. Ia bukan bertujuan menghukum, tetapi untuk menyelamatkan nyawa dengan mengubah amalan dan tingkah laku pengguna jalan raya.

Sumber: Maklumat diambil dari portal rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)

PARIS MOTOR SHOW 2014 MEMBAWAKAN GARAPAN TEKNOLOGI DAN KONSEP TERKINI

INDUSTRI dunia pemotoran di Pameran Kereta Antarabangsa Paris 2014 membawakan pelbagai konsep yang mengujakan terutama daripada model hibrid. Edisi PRIHATIN kali ini menampilkan lima jenama hebat dengan konsep terbaik di pameran tersebut agar anda dapat mengalami sendiri kecanggihan teknologi dalam dunia automobil.



PEUGEOT QUARTZ HYBRID

KESERONOKAN MEMANDU ENJIN TURBO

➔ Membina rantaian di pasaran 'crossover' sejak bertahun, Peugeot meneruskan lagi dengan konsep Quartz yang menggabungkan ciri luaran SUV dengan ciri dalaman kabin sedan. Dikuasakan oleh enjin bercas turbo 1.6 liter dan dua motor elektrik, Quartz Hybrid boleh dipandu sejauh 50km setiap kali dicas. Juga dilengkapi i-Cockpit, satu sistem kemudahan yang menyediakan peralatan dan maklumat yang mudah dicapai bagi pemanduan yang optimum lagi selesa.

AUDI TT SPORTBACK

GAYA 'SPORTY' SESUAI UNTUK KELUARGA MUDA

➔ Menggabungkan konsep serta idea Audi A5 dan Audi A7 Sportback yang anggun dan 'sporty', TT Sportback ternyata satu evolusi yang sangat berpotensi dalam dunia automotif. Dengan tingkap tanpa bingkai, ruang kabin dilengkapi skrin 12.3 inci dan panel kawalan digital mudah sentuh pada 'dashboard'. Sementara 'armrest' boleh dilipat untuk menyediakan ruang simpanan yang lebih luas di belakang. Audi TT Sportback concept sesuai untuk keluarga muda tetapi masih kekal bergaya sebagai sebuah kereta 'sport'.




INFINITI Q80 INSPIRATION

BERKUASA, MENJIMATKAN DENGAN PELEPASAN RENDAH

➔ Infiniti, jenama mewah Nissan memperkenalkan Q80 Inspiration, yang menghasilkan penjimatan bahan api sebanyak 5.5L/100km selain pelepasan CO2 hanya pada 129g/km dengan kelajuan puncak mencecah 250kmj dan

0-100kmj dicapai dalam 4 saat. Konsep sedan premium ini turut menampilkan teknologi pemanduan automatik, menggunakan kamera, laser dan sensor untuk membantu pemandu menangani pelbagai situasi di jalan raya.



ASTERION LPI 910-4

HIBRID PLUG-IN PERTAMA OLEH LAMBORGHINI

➔ Merupakan konsep hibrid 'plug-in' pertama pengeluar kereta Itali Lamborghini, Asterion LPI 910-4 dihasilkan dengan teknologi sedia ada yang mampu mengurangkan pelepasan CO2. Ia menawarkan jarak pemanduan selesa bagi kuasa elektrik tetapi masih mengekalkan prestasi enjin berkuasa tinggi yang sinonim dengan jenama tersohor itu. Pemandu boleh memilih untuk pemanduan secara elektrik sepenuhnya, hibrid, atau pun petrol.



MITSUBISHI OUTLANDER PHEV CONCEPT-S

DAYA PENARIK MODEL YANG DIPERTINGKATKAN

➔ Outlander PHEV Concept-S adalah versi yang dipertingkatkan daripada model pengilangan Outlander hibrid plug-in. Dengan cat warna serpihan putih kaca, reka bentuk bahagian hadapan diperbaharui dan kini nampak lebih menonjol sementara bentuk lampu yang lebih tajam serta kombinasi lampu belakang yang memanjang, menyerlahkan lagi gaya dinamik dan inovatifnya. Manakala ruang dalaman pula dihiasi dengan kemasan kayu dan kulit bermutu tinggi.



PROTON WAJA BUAT THE DIVINE LIFE SOCIETY



Dato' Hamzah menyerahkan sumbangan kepada Dr. Kreetharan disaksikan oleh YAB Dato' Sri Najib dan Pengerusi Yayasan MyNADI, Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai.

Usaha amal SPANCO tidak pernah berhenti. Bertempat di Dewan Endon Puspanita Kebangsaan, Putrajaya pada 19 Oktober 2014 yang lalu, satu penyerahan rasmi sumbangan kereta Proton Waja kepada pertubuhan The Divine Life Society telah diadakan. Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh mewakili SPANCO dan serahan dibuat kepada Dr. Kreetharan disaksikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



TAHNIAH KEPADA PENERIMA SIJIL PROGRAM KECEKAPAN DAN ANALISIS JURANG TEKNIKAL!



Syabas kepada penerima-penerima sijil. Duduk kiri ke kanan: Yusuf Yakop, Azman Isman, Kunasakaran a/l Arumugam, Hamidi Hamdan dan Chin Kim Keong. Berdiri kiri ke kanan: Zulkiflee Din, Zamzuri Abdul Hamid, Jamal Azmir Mohd Amanuddin, Sangar a/l Manickkam dan Hashim Aziz.

SPANCO mengucapkan tahniah dan syabas kepada kesemua sembilan fomen dan seorang juruteknik yang telah lulus dengan cemerlang di dalam Program Kecekapan dan Analisis Jurang Teknikal anjuran PROTON. Program berlangsung di Pusat Latihan Teknikal Proton dari 19 hingga 29 Ogos 2014. Semoga ianya dapat menyuntik semangat dan meningkatkan lagi mutu kerja dalam memberi khidmat cemerlang kepada pelanggan.

PENYERAHAN KERETA RASMI JAWATAN KEPADA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



SEMINAR TAHUNAN PEGAWAI PENGANGKUTAN PDRM 2014 DI TASIK KENYIR 17 – 21 NOVEMBER 2014



KURSUS TRANSFORMASI PEMANDU BERHEMAH TINGGI BIL 01/2014 26 – 29 SEPTEMBER 2014



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PEGAWAI PENGANGKUTAN PDRM 1 DISEMBER 2014





GAJET CANGGIH MUDAHKAN KEHIDUPAN ANDA

GARMIN DASH CAM, MERAKAM DETIK PEMANDUAN DENGAN BIJAK

➔ Kejadian seperti kemalangan, hentakan brek kecemasan atau pelanggaran boleh menjadi mimpi buruk buat kita, apatah lagi ia berlaku dengan pantas tanpa diduga.

Garmin Dash Cam 20, kamera berdefinisi tinggi dengan skrin LCD 2.3 inci, membolehkan anda merakam gambar dan video apabila sesuatu kejadian berlaku semasa memandu. Malah, rakaman

dapat mengesan kejadian secara automatik (G-Sensor) yang turut merekodkan masa dan lokasi. Ia juga menyimpan rakaman terkini, terakhir dan yang berikutnya.

Hanya pasang kamera pada cermin hadapan dan rakamkan pemanduan anda dalam 1080p, 720p atau WVGA. Dash Cam akan terus merakam menggunakan kad mikro SD 4GB atau anda boleh menambah sehingga 32GB untuk ruang simpanan yang lebih besar. Kemudian, main semula rakaman pada skrin atau di dalam komputer anda.

TUKARKAN TELEFON PINTAR ANDA KEPADA PEMBACA DATA ENJIN TERMAJU



➔ Ketahui prestasi enjin kereta anda dalam masa nyata dengan mudah menggunakan iODB. Hanya hubungkan penyambung diagnostik 16 pin kepada port data enjin anda, muat turun aplikasi percuma (hanya terdapat untuk Android dan iOS), sambungkan menggunakan Bluetooth dan anda boleh terus mengakses prestasi enjin melalui telefon pintar anda.

Apa yang menjadikan ianya unik ialah pengimbas EOBD/OBDII menampilkan paparan 'My Dashboard' yang dinamik. Ia membenarkan paparan maklumat disesuaikan mengikut keperluan pemandu seperti kelajuan kenderaan, penggunaan bahan api, RPM, pecutan, suhu udara yang masuk ke dalam enjin dan sebagainya.




PAPAN KEKUNCI LASER 'VIRTUAL', MASA HADAPAN DENGAN SENTUHAN JARI

➔ Alamilah teknologi laser papan kekunci 'virtual'! Gajet ini menggunakan laser untuk mempamerkan papan kekunci secara maya pada mana-mana permukaan rata dan boleh digunakan di mana sahaja.

Teknologi optik termajunya mengesan jari anda yang membenarkan anda menaip pada kekunci laser merah maya dan huruf-hurufnya akan keluar pada tablet atau telefon pintar anda.

Dihubungkan melalui Bluetooth kepada mana-mana gajet Apple atau Android, ia juga boleh disambungkan kepada komputer riba anda. Disertakan sekali dengan talikod USB untuk cas mudah dan tahan sehingga dua jam.



CARA MUDAH DAN SELESA MENGESAN CUACA DI RUMAH ANDA

➔ Kita menghabiskan 80% masa di rumah tetapi tahukah anda bahawa udara di dalam rumah sebenarnya mungkin lebih terdedah kepada pencemaran berbanding di luar? Netatmo Weather Station mengukur suhu, kelembapan, tekanan udara, tahap kebisingan dan CO2 di dalam dan luar rumah selain memberi isyarat mengenai kualiti persekitaran.

Ia menghantar kesemua data tersebut kepada aplikasi kecil yang merakamkan keadaan di dalam dan luar juga carta garis waktu serta ramalan cuaca yang menyeluruh. Anda kemudian boleh berkongsi maklumat ini menggunakan Netatmo World Map di Facebook dan Twitter.

Rekaan yang begitu ringkas, ergonomik dan sungguh mudah, alat ini diperbuat daripada dua modul yang dipasang di dalam dan luar rumah. Ditambah dengan silinder aluminium dan penutup plastik putih menambahkan lagi gaya elegan yang cukup menarik.



PERCUTIAN PENUH TEMASYA



MUSIM cuti sudah pun tiba dan memilih destinasi yang sesuai di akhir tahun ini tentunya mengujakan anda sekeluarga. Apa kata kali ini, kita beralih angin menikmati keindahan 5 destinasi percutian paling popular dengan festival warna-warni yang pastinya memberi pengalaman indah untuk anda sekeluarga.

■ VIENNA, AUSTRIA

Vienna, 'The City of Dreams' mungkin menjadi tumpuan percutian anda kali ini. Jika ingin merasakan keajaiban suasana Krismas, Vienna adalah tempat paling ideal untuk dikunjungi. Selalunya bila tiba musim perayaan, ibu kota Austria ini akan bertukar menjadi 'pasar Krismas' dan dipenuhi dengan hiasan serta lampu-lampu indah seakan-akan taman pari-pari.

Anda pasti teruja dengan hiasan pada pokok-pokok di 'City Hall Park' dan lautan pancaran lampu neon menjadikan Vienna bagaikan terus hidup sepanjang malam. Anak-anak juga pasti seronok menikmati pelbagai jualan hadiah Krismas serta tawaran lain yang menarik. Sambil mengalami pemandangan malam yang indah, tidak lengkap jika tidak singgah ke 'Christmas Bakery' yang menawarkan pelbagai hidangan enak.

Jangan lupa untuk mendapatkan barangan kraf tradisional di perkampungan Krismas di 'Maria-Theresien-Platz', terletak antara 'Museum of Fine Arts' dan 'Natural History Museum'.

*Bandar raya
dipenuhi
pancaran
lampu dan
hiasan indah
menyerlahkan
suasana
romantik
Vienna.*



■ TIVOLI GARDENS, COPENHAGEN



*Restoran 'Japanese Pagoda' paling
popular di Tivoli Lake dengan
keunikan rekaan indah.*

Alami percutian penuh kedamaian taman dengan taburan bunga-bunga mekar di Tivoli Gardens yang terkenal di Copenhagen, Denmark. Dibuka pada 15 Ogos 1843 dan merupakan taman hiburan kedua tertua di dunia. Persekitarannya dilengkapi bangunan eksotik oriental, teater, restoran, tasik serta taman permainan kanak-kanak.

Berehat bersama keluarga sambil menikmati keindahan taman bunga di siang hari dan malamnya disinari 120,000 lampu, mencetus suasana tenang dan romantik. Jangan lupa menikmati juadah enak di restoran berdekatan.



■ BRUSSELS, BELGIUM

Brussels satu lagi destinasi percutian yang mesti anda lawati. Ibu negara Belgium yang sarat dengan pelbagai kemudahan seperti restoran, muzium, makanan lazat, tempat membeli-belah yang menawarkan harga menarik serta sering menjadi tempat pelbagai temasya dan pertunjukan setiap tahun. Terkenal sebagai bandar yang masyhur dengan seni rekaan menarik, Brussels juga merupakan pusat fesyen, seni dan kebudayaan negara itu.

Festival 'The Winter Wonder' di Brussels samalah seperti pasar Krismas terbesar di Belgium. Dengan 250 rumah peranginan di sekitar ibu kota ini, memudahkan anda mencari penginapan yang sesuai sambil menikmati pesta malam yang dipenuhi dengan sinaran lampu-lampu indah menghidupkan suasana malam. Pelbagai aktiviti keluarga pada siang hari boleh dilakukan seperti meluncur ais yang juga sesuai untuk kanak-kanak.

Balai Kota di Grand Place yang bersejarah, bergema dengan alunan muzik mendamaikan.



Pertunjukan penuh warna-warni di Callaway Gardens.

■ CALLAWAY GARDENS, GEORGIA

Callaway Gardens merupakan sebuah kompleks resort terletak di Pine Mountain, Georgia dengan kunjungan lebih 750,000 pelancong setiap tahun. Ia terkenal sebagai destinasi percutian paling menarik di selatan Amerika Syarikat dengan pertunjukan lampu dan bunyi 'Fantasy in Lights'. Memaparkan 15 pertunjukan menarik seperti 'Snowflake Valley', 'A Magical Christmas Garden' dan 'Santa's Workshop' yang dipenuhi dengan lapan juta kerlipan lampu di pertunjukan tersebut.



■ KOBE, JEPUN

'The Kobe Luminarie', satu lagi temasya cahaya yang popular di Kobe, Jepun. Ianya bagi memperingati gempa bumi 'Great Hanshin' pada tahun 1995 yang meragut 6,000 nyawa. Setiap tahun lebih 200,000 lampu elektrik berlukisan tangan dipasang dan dibiarkan selama dua minggu, hanya ditutup beberapa jam setiap petang. Setiap tahun, lebih lima juta pengunjung akan menikmati pesta lampu ini di sekitar jalan-jalan utama di Kobe.

Selain itu, anda juga boleh melawat pelbagai tempat menarik di sini seperti Pelabuhan Hyogo yang penuh dengan kisah sejarahnya. Jangan lupa mengunjungi 'Hakutsure Sake Brewery Museum' serta kota metropolitan untuk membeli-belah.

Tradisi memasang lampu dengan lukisan tangan menyerlahkan keindahan Bandar Kobe.



FENOMENA MEDIA SOSIAL

Memberi Impak Kepada Kesihatan

INTERNET adalah lautan ilmu tanpa sempadan yang membolehkan maklumat diperolehi di hujung jari secara percuma. Ketagihan Internet alaf baharu yang menular pantas di seluruh dunia ini diburukkan lagi dengan kemajuan teknologi telefon bimbit dan pelbagai jenis gajet pintar yang menyebabkan ramai pengguna menghabiskan banyak masa dengan melayari laman sosial atau 'Social Networking Site' (SNS) seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Keek, Twitter, LinkedIn dan lain-lain.

Menurut sejarah, e-mel pertama dihantar pada tahun 1971 dan kini setelah lebih 40 tahun, laman sosial menjadi tapak bagi pengguna Internet memperluaskan lagi rangkaian berhubung dan berkomunikasi dengan rakan-rakan di seluruh dunia pada bila-bila masa sahaja. Facebook merupakan laman sosial terbesar

dengan 1.2 bilion pengguna aktif di seluruh dunia.

Di Malaysia, pada tahun 2012, 1/3 pengguna laman sosial menghabiskan masa dalam talian sepanjang hari dengan 87.9% pengguna mengakses Facebook. Lebih membimbangkan lagi, statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan 72% daripada 18.6 juta pengguna Internet tempatan adalah golongan muda seawal tujuh tahun hingga 35 tahun.

Menurut Dr. Shannon M. Rauch dari Benedictine University di Mesa, Arizona, Amerika Syarikat, salah satu sebab penggunaan laman sosial adalah untuk menarik perhatian dan melepaskan kebosanan. Pegawai kesihatan awam di United Kingdom pula mengumumkan ketagihan terhadap media sosial seperti Facebook dan Twitter merupakan satu jenis penyakit dan lebih daripada 100 pesakit mendapatkan rawatan setiap tahun.

72%
DARIPADA
18.6
JUTA
PENGUNA
INTERNET
TEMPATAN
ADALAH
GOLONGAN
MUDA
SEAWAL
7-35
TAHUN



Impak Laman Sosial kepada Pengguna

- **MELALAIKAN.** Terlalu lama dan kerap berhubung dengan teman-teman di laman sosial tanpa mengira masa boleh menyebabkan kita lupa dengan tanggungjawab dan akan mengganggu tugas-tugas harian.
- **OBSES.** Terlalu obses terhadap laman sosial boleh mengakibatkan gangguan mental dan fizikal serta menyebabkan otak kurang daya berfikir sekali gus mengurangkan produktiviti harian.
- **PERGAULAN MENJADI TERHAKIS.** Secara realitinya, ramai yang suka memencilkan diri dan hanya menumpukan perhatian terhadap komuniti 'online' berbanding masyarakat luar.
- **KESIHATAN MENTAL.** Semakin ketagih seseorang itu terhadap laman sosial, semakin terjejas kesihatan mental mereka. Perasaan risau dan takut ketinggalan mendapat berita terkini atau khabar dari teman-teman akan menjadikan seseorang itu sentiasa resah, murung dan akhirnya memberi tekanan perasaan kepadanya.
- **GANGGUAN KESIHATAN.** Terlalu khuşuk mampu memberi kesan buruk terhadap kesihatan jasmani mahupun rohani. Kesihatan tubuh juga akan terganggu seperti kurang tidur, tabiat makan yang tidak sihat, gangguan penglihatan, kurang aktif secara fizikal, menjejaskan emosi dan wujud masalah psikososial.



Bolehkah Laman Sosial Memperbaiki Kesihatan?

Pengaruh besar yang dibawa oleh laman sosial ini walaupun rata-rata mengatakan kesannya memberi impak negatif kepada kesihatan namun kebajikannya juga tidak boleh dipertikaikan.

Jika dilihat dari sudut positif, laman sosial boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan memperbaiki taraf hidup penduduk serta membangunkan ekonomi negara.

Kajian yang dilakukan di University of Missouri pada 2013 melaporkan bahawa aktiviti di laman sosial seperti Facebook mampu mendatangkan kesihatan yang lebih baik kepada pengguna kerana berinteraksi bersama rakan-rakan di laman sosial boleh menerbitkan perasaan gembira dan keseronokan.

Malah menurut satu lagi kajian, status gembira yang dimuat naik ke dalam Facebook boleh mendorong kegembiraan kepada rakan-rakan lain. Bahkan kajian turut percaya bahawa sebaran 'viral' kegembiraan ini sangat kuat yang mana boleh mencetuskan epidemik kesihatan yang lebih baik dari segi mental dan fizikal.

Bagaimanapun secara amnya pengguna haruslah bijak menggunakan laman sosial dengan cara yang lebih selamat dan lebih positif agar tidak mengganggu kesihatan dan tugas-tugas harian.



Simbol



Cawangan Proton Edar;
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

LARKIN – PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR



**CAWANGAN PROTON
EDAR
PUSAT SERVIS & ALAT GANTI
PROTON EDAR (LARKIN)**



NO 60 JALAN LANGKASUKA
LARKIN INDUSTRIAL ESTATE
80350 JOHOR BAHRU

TEL : 07-2388578 / 07-2382292

FAKS : 07-2383812

JURUTEKNIK : 13 ORANG

PETAK SERVIS : 36 UNIT

HOIST : 14 UNIT

PERPINDAHAN – ERAT SEHATI SERVICE SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR
ERAT SEHATI SERVICE SDN BHD**



LOT 12504 JALAN ALSAGOFF
82000 PONTIAN

TEL : 07-6869163 / 07-6881389

FAKS : 07-6868710

JURUTEKNIK : 6 ORANG

PETAK SERVIS : 5 UNIT

HOIST : 2 UNIT

*Perhatian: PSD ini telah berpindah ke
premis baru*

PERPINDAHAN - LCH LIAN HUP MOTORS SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR
LCH LIAN HUP MOTORS SDN BHD**



PT 8132 LUMUT KIRI, MUKIM SITI AWAN
32000 LUMUT

TEL : 05-6927535

FAKS : 05-6927535

JURUTEKNIK : 7 ORANG

PETAK SERVIS : 10 UNIT

HOIST : 10 UNIT

*Perhatian: PSD ini telah berpindah ke
premis baru*

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

PELANTIKAN BARU - BENGKEL FORWARD LAHAD DATU SDN BHD



**BENGKEL FORWARD
LAHAD DATU SDN BHD**



Lot A21 & Lot A22
Lahad Datu Industrial, Batu 4
Jalan Tengah Nipah
91100 Lahad Datu, Sabah
TEL : 016-8266166
FAKS : 089-863744
JURUTEKNIK : 4 ORANG
KETUK PANEL : 4 ORANG
SEMBUR CAT : 2 ORANG
OPERATOR KREN : 4 ORANG





Ribuan mati dilanggar dari belakang.



**Jalan Menghadapi Trafik.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Jika anda tidak dapat lihat kenderaan yang mendatang, anda tidak mampu mengagak bahaya – sehinggalah ia tiba – dan ketika itu sudah terlambat. Melainkan anda ada mata di belakang kepala, amalkan berjalan menghadap lalu lintas.

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.